

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

HMP 202 Standardisasi Bahasa Malaysia, Ejaan
Peristilahan dan Perkamusan

Masa: [3 jam]

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat.

ARAHAN

- Jawab LIMA (5) SOALAN sahaja.
- Semua soalan membawa nilai markah yang sama (20%).
- Jawapan mestilah lengkap, bernas, ringkas dan analitikal.
- Gunakan muka surat baru bagi setiap nombor soalan baru dan tulis nombor soalan berkenaan di bahagian atas kertas jawapan.
- Di muka hadapan buku jawapan, tulis nombor soalan yang dijawab sahaja mengikut nombor urutan 1 - 7.

1. Semasa Malaysia (dulunya Malaya) masih terletak di bawah pemerintahan penjajah Inggeris, tidak pernah ada usaha yang dibuat untuk memilih sebuah bahasa Kebangsaan (Abdullah Hassan, *Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintel-ektualan Bahasa Malaysia*, 1987 : 3).
Apakah tujuan tersembunyi pemerintah Inggeris berbuat demikian dan apakah usaha tersebut berjaya?
2. Untuk memperolehi hasil yang baik dalam pembelajaran bahasa Melayu diperlukan guru yang terlatih serta menyelidikan mengenai bahasa Melayu (Raja Mukhtaruddin, *Pembinaan Bahasa Melayu* (1982 : 111). Walaupun kedua-dua bidang ini telah tercapai, ini belum menjamin yang seseorang itu akan menjadi seorang guru yang baik. Mengapa? Bincangkan.

.../2

3. Sejak tahun 1959 Parlimen telah menjadikan Dewan Bahasa dan Pustaka sebuah badan berkanun dengan kuasa yang lebih luas. (Abdullah Hassan, **30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia**, 1987 : 36). Bincangkan kejayaan/kegagalan badan ini di dalam melaksanakan tugas utamanya terutama di bidang peristilahan.
4. Menurut Asmah Hj. Omar, **Kamus Dewan** (1970, 1986) banyak kelemahannya (Asmah Hj. Omar, "Perkamusan Melayu: Satu Penilaian" (Syarahan Memperingati Ulang Tahun Kesepuluh Koleksi Kebangsaan Perpustakaan Universiti Malaya, 1987). Beri huraian sama ada anda setuju atau tidak dengan pendapat Asmah tersebut.
5. Za'ba di dalam bukunya **Pelita Bahasa Melayu: Penggal 1**, cet. III, 1965 : 51) mengatakan bahawa "Dalam tulisan Humi Melayu undang-undang yang 'am bagi ejaan segala perkataan ialah satu sahaja iaitu Hendaklah dieja mengikut bunyi". Beri huraian bagaimana gagasan ini dapat dimanfaatkan bagi pembakuan sebutan Bahasa Malaysia (Darwis Harahap, **Peristiwa Bahasa**, 1989 : 23 - 24).
6. Perhatikan ayat yang berikut ini:
 - [a] Kenyataan itu adalah tidak benar.
 - [b] Dunia ini adalah tidak kekal.
 - [c] Keputusan itu adalah tidak adil.Tentukan kedudukan setiap perkataan ayat (a), (b) dan (c) di dalam satu Rajah Pohon ayat selapis Struktur Dalam. Beri hujah sama ada ayat tersebut gramatis atau tidak.
7. Kata depan (Kata Sendi Nama) dari/daripada tidak digunakan dengan rapi di dalam bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia Tinggi perlu memastikan penggunaan yang konsisten dan rapi (Mashudi Kader di dalam **Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapannya** (Editor: Nik Safiah Karim), 1986 : 101). Kemukakan pula pendapat anda dengan memperturunkan sepuluh ayat yang salah dan sepuluh ayat yang betul bagi menjelaskan pendapat tersebut.